

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HFA 101 - Pengantar Falsafah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan mengandungi **ENAM [6]** soalan. Jawab **TIGA [3]** soalan iaitu soalan 1 **WAJIB** dijawab dan **DUA [2]** soalan pilihan.

Soalan **WAJIB**.

1. [a] Nyata dan jelaskan empat idea baru yang telah anda pelajari dari kursus ini.
- [b] Apakah penilaian anda mengenai keberkesanan dan kegunaan setiap satu dari empat idea tersebut kepada pemikiran dan kehidupan anda?

Soalan **PILIHAN**.

2. [a] Apakah peranan roh manusia dalam pemikiran falsafah moral Socrates?
- [b] Adakah anda bersetuju dengan Socrates? Beri alasan-alasan yang baik untuk pandangan anda.

3.
 - [a] Jelaskan susun-lapis pengetahuan manusia dan realiti yang berkaitan dalam teori ilmu Plato.
 - [b] Adakah anda bersetuju dengan Plato? Beri alasan-alasan yang baik untuk pandangan anda.
4.
 - [a] Apakah yang dimaksudkan oleh Ibn Sina dengan wujud wajib?
 - [b] Adakah konsep wujud wajib suatu pembicaraan yang baik mengenai kewujudan Tuhan? Beri alasan-alasan yang baik untuk pandangan anda.
5.
 - [a] Untuk Sankara adakah *Brahman* dan *Maya* merupakan dua realiti yang berasingan?
 - [b] Adakah anda bersetuju dengan Sankara? Beri alasan-alasan yang baik untuk pandangan anda.
6.
 - [a] Jelaskan pandangan Sartre mengenai kebebasan manusia.
 - [b] Adakah anda bersetuju dengan Sartre? Beri alasan-alasan yang baik untuk pandangan anda.